

Kerana percikan api

■ **Pengecas telefon bimbit terbakar sambar tilam**

Fuad Hadinata Yaacob
hadinata@hmetro.com.my

Shah Alam

Percikan api daripada pengecas telefon bimbit yang kemudiannya menyambar tilam dipercayai menjadi punca kebakaran membabitkan sebuah rumah kedai di Dataran Automobil, Seksyen 15 di sini, jam 1.35 pagi semalam.

Ketika kejadian, lima lelaki warga tempatan yang juga pekerja sebuah syarikat keselamatan berada di rumah sewa berkenaan namun semuanya selamat.

Timbalan Ketua Polis Daerah Shah Alam Superintendan Nek Zaidi Zakaria berkata, pihaknya yang menerima panggilan kebakaran itu kemudiannya memaklumkan kejadian kepada bomba dan penyelamat.


"Siasatan awal mendapati, punca kebakaran diakibatkan oleh litar pintas di mana individu terbabit mengecas telefon bimbit di atas tilam dalam bilik.

"Individu itu ternampak percikan api daripada pengecas telefon bimbit sebelum ia menyambar tilam," katanya.

Nek Zaidi berkata, penghuni itu cuba memadamkan api namun ia semakin marak.



KEADAAN dalam premis yang terbakar.



" Punca kebakaran diakibatkan oleh litar pintas Nek Zaidi Zakaria "

KEBAKARAN rumah Kedai di Jalan Pahat, Dataran Automobil Seksyen 15, Shah Alam.